

# CITY CAMPUS CARNIVAL 2013

PENUH MERIAH, SAMBUTAN LUAR BIASA DARIPADA PARA PELAJAR

## CITY CAMPUS CARNIVAL

### PERTANDINGAN

1. Suara Emas
2. Malam Komedi
3. Rekaan Lanskap
4. Tarik Tali
5. Kerusi Berirama
6. Tuju Tin
7. Sepak Raga
8. Anyam Ketupat
9. Gusti Lengan
10. Galah Panjang
11. Creative Mumia
12. Sajak dan Syair
13. Tulisan Khat
14. Sorakan Kampus
15. Lovely Cake
16. Catur Bestari
17. Creative Sandwich

### AKTIVITI

1. Gerai jualan dan pameran oleh para pelajar
2. Senam Seni Satu Kampus
3. Forum ‘Kahwin Muda’
4. Program Derma Darah
5. Satu jam bersama Hot FM Klate
6. Ceramah Pembangunan Produk Pelancongan negeri Kelantan
7. Persembahan dikir barat – Sri Kayangan Sukma
8. Tarian kebudayaan oleh Kumpulan Kebudayaan Lestari Warisan
9. Kutipan derma ‘kilat’ bagi



Oleh: Raja Norliana Raja Omar

Program *City Campus Carnival 2013* yang telah dijalankan pada 14-16 November 2013 yang lalu telah mendapat sambutan luar biasa daripada para pelajar khususnya yang berada di Kampus Kota, Taman Bendahara. Program yang dijalankan selama tiga hari ini membuka ruang interaksi antara pelajar yang terdiri daripada tujuh program ijazah sarjana muda yang ditawarkan oleh Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan iaitu Sarjana Muda (Keusahawanan) Perdagangan, Pelancongan, Keusahawanan Kesihatan, Hospitaliti, Peruncitan, Logistik dan Perniagaan Pengedaran dan Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Perbankan dan Kewangan Islam). Para pelajar didedahkan dengan aspek pengurusan acara, pembudayaan keusahawanan, pengurusan risiko dan kemahiran berkomunikasi.

Melalui acara-acara yang dipertandingkan para pelajar dapat mengasah bakat selain memupuk semangat daya saing yang sihat. Program ini juga mengeratkan silaturrahim antara pelajar khususnya pelajar-pelajar tahun satu yang baru sahaja memulakan ‘kehidupan kampus’ mereka sejak September lalu.

Sebanyak 47 gerai jualan dan pameran telah dibuka bertempat di perkarangan Kolej Kediaman, UMK Kampus Kota dengan 25 daripadanya melibatkan penyertaan daripada para pelajar tahun satu yang menjalankan Minggu Keusahawanan sebagai sebahagian daripada penilaian bagi kursus Asas Keusahawanan (AFT 1013). Sebanyak 17 acara dipertandingkan dan 9 aktiviti telah dijalankan sepanjang tiga hari program ini berlangsung. Acara pemotongan riben telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan Hj. Che Rose, Naib Canselor, Universiti Malaysia Kelantan dengan diiringi oleh tiga buah basikal tua dan pukulan rebana ubi sebagai simbolik kepada perasmian program ini.

## MAJLIS PERASMIAN GERAI JUALAN DAN PAMERAN DAN PERTANDINGAN SORAKAN ANTARA PROGRAM



YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan Hj. Che Rose diiringi oleh 3 orang pelajar Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan dengan menggunakan basikal tua menuju ke tapak perasmian bagi acara pemotongan riben.



Pertandingan sorakan oleh para pelajar dari setiap program



## JUARA KESELURUHAN: SAB



Juara Keseluruhan mengungguli pungutan sebanyak 28 kemenangan bersama Dekan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan selepas keputusan akhir diumumkan. Majlis ini telah berlangsung pada 18 November bertempat di Dewan Terbuka Keusahawanan. Pelajar-pelajar SAB merupakan pelajar yang mengambil jurusan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Perbankan dan Kewangan Islam).



**CITY  
CAMPUS  
CARNIVAL**

Majlis perasmian penutup telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Madya Abdul Aziz Latif pada 18 November 2013 bertempat di hadapan Basil Leave. Dalam ucapannya, beliau menyatakan harapan agar program *City Campus Carnival* ini terus dijadikan aktiviti tahunan dan ditambah baik dari semasa ke semasa.